



Pelajar bergambar selepas menyertai kelas kebudayaan mempelajari lagu rakyat masyarakat China.



Peserta berpeluang mempelajari seni bela diri sepanjang sebulan berada di China.



Pelbagai tempat menarik dilawati pelajar sempena Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas 2019, baru-baru ini.

Mendalami bahasa Mandarin di China

Kuala Lumpur: Peluang mengikuti Program Mobiliti Bahasa Mandarin Musim Panas 2019 selama sebulan di China bukan saja membolehkan peserta untuk mendalami bahasa ketiga itu tetapi juga dapat mengenal dengan lebih dekat budaya dan cara hidup masyarakat negara berkenaan.

Program yang dianjurkan buat pertama kalinya oleh **Confucius Institute (CI) Universiti Malaysia Pahang (UMP)** itu adalah kesinambungan daripada memorandum perjanjian (MoA) dengan **Confucius Institute Headquarters (Hanban)**, pada tahun lalu.

Pengarah CI, Yong Ying Mei, berkata seramai 15 pelajar daripada institut berkenaan terpilih menerima tajaan biasiswa bagi mengikuti program pada musim panas yang lalu di bawah **Confucius Scholarship Hanban** dari China.

Katanya, seramai 13 pelajar

menghadiri kursus di Hebei University (HBU), China manakala dua lagi mengikuti pengajian di **Beijing Foreign Studies University (BFSU)**, China.

"Pelajar bukan saja belajar mengenai bahasa Mandarin tetapi juga kebudayaan masyarakat China dengan menghadiri sesi bengkel, ujian dan kunjungan ke rumah keluarga angkat di sana.

"Mereka didedahkan dengan pelbagai komponen membabitkan kebudayaan masyarakat China termasuk seni mempertahankan diri seperti wushu dan tai chi, cara membuat teh dan ladu, kaligrafi, lagu rakyat, lukisan dan menonton opera," katanya.

Peserta program, Nur Syaheera Sulaiman, berkata setiap pelajar perlu menduduki ujian khas bagi menguji tahap penguasaan bahasa Mandarin untuk melayakkan mereka mendapat

biasiswa bagi mengikuti program berkenaan.

Katanya, terpilih sebagai seorang peserta memberikannya kenangan yang sangat berharga, apatah lagi dapat merasai sendiri pengalaman di China yang bukan mudah untuk diperoleh sepanjang belajar di universiti.

"Melalui program ini, kami dapat mengenali dengan lebih mendalam mengenai budaya tradisional di China, bertemu dengan keluarga angkat, berlatih seni tradisional mempertahankan diri, seni tradisional kaligrafi Cina dan lukisan Cina.

"Pada masa yang sama, kami juga perlu mempertingkatkan lagi penguasaan bahasa Mandarin dengan mengikuti kelas bahasa ketiga itu di HBU dan ia perkara yang mencabar untuk pelajar seperti kami yang bukan penutur asal bahasa berkenaan," katanya.